

SOALAN NO: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim
[Bandar Tun Razak]**

TARIKH : 7 Mac 2018

SOALAN : 12

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]
minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasil lengkap sebarang kajian tentang kecenderungan bunuh diri rakyat Malaysia terutamanya di kalangan remaja masih menuntut dan pekerja serta pelan tindakan untuk meningkatkan kesedaran tentang masalah dan kepentingan penjagaan kesihatan mental termasuk rawatan psikologi dan intervensi lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian *Global School Health based student Survey (GSHS)* yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2012 menunjukkan bahawa daripada 25,507 pelajar Malaysia berumur diantara 13 hingga 17 tahun yang disaring, 7-9% pelajar didapat mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri manakala 6-7% pelajar didapati telah cuba membunuh diri lebih daripada satu kali dalam jangka masa 12 bulan.

Bagi meningkatkan kesedaran dan kepentingan penjagaan kesihatan mental, langkah-langkah yang telah diambil oleh KKM adalah:

- i. Di peringkat sekolah, KKM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan Program Minda Sihat dan Program Resilien Remaja dalam kalangan murid sekolah menengah seluruh negara. Melalui saringan DASS yang dilaksanakan kepada murid Tingkatan 4 di 2343 buah sekolah menengah, tahap stres, keresahan dan kemurungan pelajar boleh dikenalpasti dan diberi intervensi bersesuaian oleh kaunselor sekolah. Guru-guru turut diberi latihan mengenalpasti awal masalah kemurungan dan tingkah laku bunuh diri dalam kalangan murid melalui skop "Sayangi Nyawa, Hidupkan Harapan" di dalam Modul Latihan Minda Sihat.
- ii. KKM menyediakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental di empat (4) buah institusi mental dan 33 hospital kerajaan di seluruh Malaysia yang turut menawarkan perkhidmatan kaunselling dan psikoterapi kepada individu yang mengalami kemurungan dan keinginan bunuh diri. Di peringkat kesihatan primer sebanyak 761 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan kesihatan mental dengan lebih 200 orang Pakar Perubatan Keluarga yang terlatih dalam merawat kemurungan dan pengurusan kes berkaitan cubaan bunuh diri.
- iii. Aktiviti-aktiviti promosi bagi meningkatkan kesedaran awam yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia termasuklah;

- a. Sambutan hari Kesihatan Sedunia bertemakan ‘Depression Let’s Talk’ atau ‘Kemurungan Mari Berbincang’ telah menekankan kepentingan kemurungan dan cara-cara mengenalpasti simptom kemurungan serta keperluan untuk mendapatkan bantuan
 - b. Sambutan Hari Cegah Bunuh Diri Sedunia , Seminar “Sayangi Nyawa, Hidupkan Harapan” yang dilaksanakan secara berkala dan melibatkan pelbagai agensi antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara, Mahkamah Tinggi Persekutuan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, (APAM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).
- iv. Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan dan sokongan dari Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO), telah mengambil inisiatif membangunkan Pelan Tindakan dan Strategik Kebangsaan Pencegahan Bunuh Diri (*National Strategic and Action Plan on Suicide Prevention*) yang menggariskan skop-skop utama berikut bagi menangani tingkah laku bunuh diri dalam kalangan masyarakat Malaysia.
- v. Kementerian Kesihatan bekerjasama dalam mempromosikan perkhidmatan *The Befrienders*, satu NGO yang menawarkan perkhidmatan kaunseling, melalui telefon dan e-mel, perkhidmatan perbincangan dan kaunseling secara tertutup melalui laman web facebook www.facebook.com/Befrienderskl, kepada individu yang

mempunyai masalah emosi, murung, dan keinginan untuk membunuh diri.

- vi. Kementerian Kesihatan juga telah membangunkan Modul Latihan Pencegahan Bunuh Diri untuk 'frontliners', Garispanduan Amalan Klinikal Pengendalian Kemurungan dan Skizofrenia serta Garispanduan Mengendalikan Kes Tingkahlaku Bunuh Diri di Hospital dan akan terus mempertingkatkan latihan kepada anggota kesihatan dalam mengenalpasti tanda-tanda awal individu-individu yang mempunyai kemurungan, masalah mental atau tingkah laku bunuh diri.